

BAB 5

PENGHAYATAN AJARAN AL-QUR'AN DALAM PERKHIDMATAN PUSAT PEMBANGUNAN KELUARGA ISLAM (PPKI).

5.0 PENDAHULUAN

Islam amat menuntut umatnya agar berkahwin dan berkeluarga kerana keluarga merupakan unit asas dalam pembentukan masyarakat yang lebih besar.

Firman Allah S.W.T yang berbunyi :

فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَى وَثُلَاتَ وَرُبَاعَ فَإِنْ حِفْظُكُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا
فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَدْنَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا

Maksudnya: "........Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman".

Sūrah al-Nisā' (4) : 3.

Rumah tangga yang dibina atas asas yang kukuh berlandaskan al-Qur'an dan al-Sunnah akan melahirkan masyarakat yang mantap imannya, berakhlak mulia dan dapat menunaikan tanggungjawab dengan baik terhadap keluarga, masyarakat dan negara. Justeru, dalam usaha melahirkan keluarga bahagia, beberapa pendekatan perlu diusahakan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab

sepertimana yang dilakukan oleh pihak JAKIM dan JAWI. Buktinya ialah terhasilnya modul-modul yang amat berguna untuk bakal pengantin dan juga para ibu bapa. Lebih membanggakan lagi, pihak JAKIM telah berjaya melancarkan secara rasmi modul-modul tersebut baru-baru ini. Modul-modul tersebut telah dilancarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin sempena merasmikan “Seminar Menangani Gejala Sosial Peringkat Kebangsaan”. Seminar anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) itu telah berlangsung pada 30hb. April 2002, bertempat di Putrajaya.¹⁵⁷ Oleh yang demikian, sepatutnya peluang ini digunakan sepenuhnya dan dijadikan sebagai panduan dalam membina sebuah institusi kekeluargaan Islam yang diredhai Allah S.W.T dan mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Sebelum modul-modul yang menyentuh tentang kekeluargaan Islam dikaji dengan lebih terperinci, baiklah kiranya dijelaskan secara sepintas lalu tentang objektif bagi setiap modul tersebut. Modul-modul yang dimaksudkan ialah Modul Perkhidmatan Pra Perkahwinan, Modul Perkhidmatan Ibu Hamil, Modul Perkhidmatan Kemahiran Keibubapaan, Modul Perkhidmatan Pendidikan Kanak-kanak dan Modul Perkhidmatan Keluarga Bermasalah.

¹⁵⁷ Rahana Mad (2002), “Pembangunan Keluarga” *Utusan Malaysia*, Rabu, 8 Mei 2002, h. 7; Lihat juga Mohd Anwar Patho Rohman (2002), “Modul Kursus Pra perkahwinan Lebih Lengkap Jun” *Berita Harian*, Rabu, 1 Mei 2002, h. 5.

5.1 OBJEKTIF PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN.¹⁵⁸

5.1.1) OBJEKTIF PERKHIDMATAN PRA PERKAHWINAN.

- i) Memahami bahawa perkahwinan adalah sunnah Rasulullah s.a.w dan satu tuntutan agama.
- ii) Bagi mengawal dan mengelakkan diri pasangan daripada melakukan perkara yang boleh merosakkan perkahwinan.
- iii) Memberi kefahaman kepada pasangan tentang proses dan prosedur perkahwinan di Malaysia.
- iv) Memberi garis panduan kepada pasangan tentang amalan-amalan baik yang sepatutnya dilakukan bagi mewujudkan sebuah keluarga bahagia terutama soal akhlak dan komunikasi.

5.1.2) OBJEKTIF PERKHIDMATAN IBU HAMIL.

- i) Meningkatkan kesedaran, ketahanan, kemahiran, pengetahuan dan pelaksanaan amalan-amalan positif di kalangan ibu-ibu hamil.
- ii) Melahirkan anak-anak yang sihat, soleh, cemerlang dan sempurna.
- iii) Membina dan memantapkan institusi keluarga ke arah kesejahteraan yang optimum.
- iv) Memperkukuhkan institusi keluarga Islam yang beriman bagi mencapai kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

¹⁵⁸ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.islam.gov.my/kesuma/objektifpki.html>, 2 Mei 2002.

5.1.3) OBJEKTIF PERKHIDMATAN KEMAHIRAN KEIBUBAAPAAN.

- i) Bagi melahirkan ibu bapa yang mahir dalam soal menjaga hubungan suami isteri agar sentiasa terjamin dengan mesra dan bahagia.
- ii) Melatih ibu bapa tentang cara-cara yang sepatutnya diamalkan bagi mengawal keharmonian rumah tangga berkaitan dengan akhlak-akhlak Islam.
- iii) Melatih ibu bapa membina kemahiran bagi mengenalpasti masalah anak-anak dan cara menanganinya menurut kaedah-kaedah yang sesuai.

5.1.4) OBJEKTIF PERKHIDMATAN PENDIDIKAN KANAK-KANAK.

- i) Memberi kefahaman kepada pasangan suami isteri tentang kehamilan dan amalan semasa mengandung menurut Islam.
- ii) Mengemukakan langkah dan cara yang seharusnya dilakukan oleh para ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di awal kelahirannya.
- iii) Memberi garis panduan kepada ibu bapa dalam pendidikan anak di peringkat remaja bagi melahirkan anak yang soleh.

5.1.5) OBJEKTIF PERKHIDMATAN KELUARGA BERMASALAH.

- i) Membina dan memantapkan sebuah keluarga bahagia ke arah melahirkan masyarakat penyayang dan bersatu padu.
- ii) Membentuk sebuah keluarga yang berbudi, penyayang dan bertoleransi di kalangan anggota keluarga.

- iii) Mengukuhkan institusi kekeluargaan menerusi program “ Rumahku Syurgaku”.

5.2 MODUL.

Modul Program Pembangunan Keluarga Islam (PPKI) yang diperkenalkan meliputi Perkhidmatan Pra Perkahwinan, Perkhidmatan Ibu Hamil, Perkhidmatan Kemahiran Keibubapaan, Pendidikan Kanak-kanak dan Perkhidmatan Keluarga Bermasalah. Modul PPKI yang diperkenalkan oleh JAKIM ini adalah suatu program jangka panjang dan berterusan dalam usaha kerajaan mengukuhkan dan memantapkan institusi keluarga dan masyarakat.

Pihak JAKIM akan melaksanakan modul berkenaan menerusi kursus dan bengkel, bimbingan, rundingan, lawatan ke rumah-rumah dan nasihat bersemuka di samping membantu golongan sasaran merujuk kepada agensi yang berkenaan jika memerlukan bantuan. Merujuk kepada ucapan Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin sempena perasmian Seminar Menangani Gejala Sosial Peringkat Kebangsaan yang dianjurkan oleh JAKIM baru-baru ini, modul ini telah dilaksanakan di 12 negeri. Ianya telah dilaksanakan secara perintis dan keseluruhan pelaksanaan modul itu akan dibuat oleh Jabatan Agama Negeri.¹⁵⁹

¹⁵⁹ Mohd Anwar Patho Rohman (2002), “ Modul Kursus Pra perkahwinan Lebih Lengkap Jun” *Berita Harian*, Rabu, 1 Mei 2002, h. 5.

Pakej yang disediakan ini bukan sahaja memberi pendedahan kepada bakal pengantin mengenai aspek pengurusan rumah tangga dan perundangan menurut Islam, tetapi juga mengenai amalan kesihatan dan hubungan dengan masyarakat sekeliling. Selain daripada itu pembinaan modul tersebut dibentuk khusus untuk masyarakat Islam agar menjadi warganegara yang bertanggungjawab kepada diri, keluarga, agama, bangsa dan negara.

5.2.1) MODUL PERKHIDMATAN PRA PERKAHWINAN.¹⁶⁰

Modul ini adalah yang terpenting untuk menyedarkan bakal pengantin bahawa mendirikan rumah tangga bukanlah semudah yang digambarkan. Sebelum berkahwin, banyak perkara penting yang perlu diketahui dan dipelajari. Pada permulaan modul, pasangan diterapkan dengan asas-asas pembinaan insan yang merangkumi perkara akidah, ibadah, akhlak dan *munakahat*.

Melalui modul ini, pasangan akan dijelaskan tentang beberapa perkara iaitu:-

a) Akidah yang dibahagikan kepada beberapa bahagian, iaitu:

- i) Pengertian Iman, Islam, Ihsan dan prinsip-prinsip asas ajaran Islam.

¹⁶⁰ Syeikh Ghazali Hj. Abd. Rahman *et al.* (1997), *Memasuki Gerbang Perkahwinan*, c. 7. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

- ii) Peranan akidah di dalam kehidupan insan dan rumah tangga.
- iii) Perkara-perkara yang boleh merosakkan akidah.
- iv) Implikasi akidah yang rosak.
- v) Ibadah yang merupakan hubungan langsung di antara hamba dengan Penciptanya. Allah S.W.T berfirman di dalam al-Qur'an yang berbunyi:

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلَّةُ أَتَيْنَ مَا تُغْنُوا إِلَّا بِحَبْلٍ مِنَ اللَّهِ وَحَبْلٍ مِنَ النَّاسِ

Maksudnya: "Mereka ditimpakan kehinaan (dari segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab dari Allah dan adanya sebab dari manusia".

Sūrah Āli 'Imrān (3) : 112.

Di dalam bab ini, modul membincangkan beberapa topik penting iaitu:-

- i) Konsep ibadah dalam syariat Islam.

Firman Allah S.W.T yang berbunyi:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya: "Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku".

Sūrah al-Dhāriyāt (51) : 56.

- ii) Peranan ibadah di dalam kehidupan insan.
- iii) Fungsi bersuci dan solat dalam kehidupan insan.
- iv) Akibat pengabaian ibadat.

b) Akhlak.

Penghayatan dan pengamalan akhlak yang terpuji merupakan suatu perkara penting kerana ia menjadi asas perhubungan manusia dengan Penciptanya, sesama manusia dan alam persekitarannya. Di sini modul memperkatakan tentang akhlak yang terpuji bagi suami isteri, akhlak yang tercela dan strategi membina akhlak yang terpuji. Rasulullah s.a.w merupakan sebaik-baik contoh akhlak yang terpuji seperti mana yang dibuktikan oleh firman Allah S.W.T yang berbunyi:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Maksudnya: "Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia".

Sūrah al-Qalam (68) : 4.

c) Munakahat.

Munakahat dan kekeluargaan Islam adalah merupakan perkara asas yang perlu diketahui sebelum seseorang itu memasuki alam perkahwinan. Ianya mengandungi perbincangan mengenai beberapa perkara iaitu:

a-*Munakahat* yang mengandungi beberapa bab iaitu:

- i) Persediaan sebelum kahwin dari segi ilmu, fizikal, ekonomi dan sosial.
- ii) Pemilihan jodoh dan pertunangan serta konsep nikah, hikmah dan matlamatnya.
- iii) Tanggungjawab suami, isteri dan anak-anak.

- iv) Penceraian dan pembubaran perkahwinan serta perkara-perkara yang mengganggu ikatan perkahwinan iaitu Talak, Fasakh, Li'an, Ila' dan Zihar.

b- Prosedur perkahwinan mengikut undang-undang keluarga Islam. Segala peraturan dan urusan yang berkaitan dengan kekeluargaan Islam seperti nikah, cerai, nafkah, pembahagian harta dan penjagaan anak diberikan perlindungan di bawah undang-undang ini. Di antara kandungannya ialah:-

- i) Prosedur pra perkahwinan (Tempat dan Pendaftaran perkahwinan).
- ii) Proses permohonan berkahwin sesama negeri dan berlainan negeri.
- iii) Proses permohonan perkahwinan di luar negara
- iv) Pembubaran perkahwinan (Prosedur penceraian).
- v) Perkara-perkara berbangkit selepas penceraian seperti Ihdad, 'Iddah, Rujuk, dan Muta'ah.

c- Bagi menjamin pembentukan keluarga bahagia, pasangan suami isteri perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan "asas pengurusan keluarga". Kandungannya meliputi:-

- i) Hubungan dalam keluarga iaitu hubungan suami isteri, hubungan dengan ibu bapa, hubungan dengan mertua, dan hubungan dengan jiran.
- ii) Pengurusan sumber keluarga yang melibatkan pengurusan kewangan, masa dan kesihatan.

iii) Komunikasi suami isteri dan kemahiran menguruskan konflik dengan cara mengenalpasti punca berlakunya konflik dan cara menanganinya dengan berkesan. Seperti mana yang dinyatakan oleh firman Allah S.W.T yang berbunyi:

وَاللَّائِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ
فَإِنْ أَطَعْتَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا

Maksudnya: "Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar".

Sūrah al-Nisā' (4) :34.

iv) Persediaan pra keibubapaan yang merupakan persediaan fizikal dan kerohanian.

5.2.2) MODUL PERKHIDMATAN IBU HAMIL.¹⁶¹

Modul ini memberi tumpuan terhadap beberapa aspek asas khususnya mengenai rohani, jasmani, mental, pra keibubapaan, urusan sebelum dan selepas hamil, urusan penjagaan sebelum dan selepas kelahiran. Ia mengandungi:

¹⁶¹ Jawatankuasa Penyediaan Modul (2002), *Modul Perkhidmatan Ibu Hamil*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

- a) Hal-hal yang berkaitan dengan proses kehamilan.
- b) Penjagaan kesihatan sebelum dan semasa hamil.
- c) Proses kelahiran dan proses penjagaan selepas kelahiran.

Di permulaan modul, ia menjelaskan tentang proses kehamilan di mana ia merupakan satu proses permulaan bagi membentuk sebuah keluarga. Di dalamnya dibincangkan tentang beberapa perkara iaitu:-

- i) Kepentingan zuriat dalam Islam.

Di antaranya sabda Rasulullah s.a.w yang berbunyi:

عن ابنِ عُمرَ قَالَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ هُمَا رِيحَانَتَايَ مِنَ الدُّنْيَا

Maksudnya: Diriwayatkan daripada Ibn 'Umar bahawasanya Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud: " Kedua-duanya (Hasan dan Husayn) adalah buah hatiku di dunia".¹⁶²

- ii) Adab hubungan kelamin semasa hamil.
- iii) Persediaan seorang ibu yang hamil di segi fizikal, rohani, emosi dan mental.

Selain daripada itu, ibu-ibu juga ditekankan dengan penjagaan kesihatan sebelum hamil di mana mereka diperkenalkan dengan jenis-jenis penyakit yang biasanya dihidapi terutamanya oleh kaum wanita. Di sinilah pentingnya

¹⁶² al-Tirmidhi, (1981), *op.cit.*, j. 4, Kitāb al-Birr wa al-Ṣīlah, Bāb Mā Jāa Fi Ḥubb al-Walad, no. hadith. 1910, h. 317; Lihat juga al-Bukhārī (2001), *op.cit.*, Kitāb al-Adab, Bāb Raḥmah al-Walad wa Taqbilah wa Mu'ānaqatih, no. hadith. 5994, h. 1105.

pengambilan makanan seimbang dan rezeki yang halal dari sumber dan jenis makanan yang halal kerana darah daging yang akan terbentuk adalah hasil daripada pengambilan makanan oleh ibu. Allah S.W.T telah menyatakan di dalam firman-Nya yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya."

Sūrah al-Baqarah (2) : 172.

Di dalam bab yang seterusnya, dibincangkan tentang penjagaan semasa hamil, di mana ia menggariskan beberapa amalan yang baik dilakukan ketika hamil. Di antaranya, amalan-amalan kerohanian seperti mengerjakan solat-solat sunat, mengamalkan surah-surah tertentu seperti surah Yusuf dan surah Maryam, banyakkkan berzikir, berselawat dan menjauhkan sebarang maksiat. Kemudian dijelaskan tentang kepentingan pengawalan emosi, juga diterangkan peranan suami dan isteri dalam keadaan ini.

Kemudiannya penumpuan diberikan kepada hubungan suami isteri semasa hamil yang meliputi:-

- i) Kerjasama suami isteri.
- ii) Saling memahami.
- iii) Hubungan kelamin.

Modul diteruskan dengan perbincangan tentang proses kelahiran yang biasanya berlaku pada minggu ke 38 hingga ke 42 kehamilan. Persediaan yang dimaksudkan di sini meliputi persediaan dari segi fizikal, spiritual dan emosi.

Seterusnya dibincangkan pula proses selepas kelahiran. Ianya menyentuh tentang sokongan para suami semasa kelahiran dan perkara-perkara yang perlu dilakukan selepas kelahiran bayi seperti membersihkan bayi, mengazan dan mengiqamahkan bayi, membaca al-Qur'an dan berdoa. Kemudian terdapat amalan-amalan tertentu yang perlu dilakukan selepas kelahiran bayi seperti *tahnik*, memberikan nama yang baik, berkhatan dan aqiqah.

Di samping itu, ibu bapa juga perlu mementingkan pemeriksaan kesihatan bayi bagi memastikan bayi agar sentiasa sihat dan dalam keadaan baik. Penjagaan kesihatan ibu juga tidak perlu diabaikan kerana dalam keadaan ini bayi akan terpengaruh dengan kesihatan ibunya terutama ketika menyusu.

5.2.3 MODUL PERKHIDMATAN KEMAHIRAN KEIBUBAAPAN.¹⁶³

Sebelum membincangkan tentang kemahiran keibubapaan dalam mendidik anak-anak, modul dimulakan dengan adab hubungan kelamin iaitu proses penting yang perlu dilalui oleh pasangan yang berkahwin. Ini dapat dilihat kerana Islam mempunyai adab hubungan kelamin yang tersendiri bagi memastikan zuriat

¹⁶³ Jawatankuasa Penyediaan Modul (2002), *Modul Perkhidmatan Kemahiran Keibubapaan*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

yang bakal dilahirkan adalah zuriat yang beriman dan bertakwa. Sabda Rasulullah s.a.w yang berbunyi:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَا لَوْ أَنَّ أَحَدَهُمْ يَقُولُ
جِئْ يَا بَنِي أَهْلِهِ بِاسْمِ اللَّهِ اللَّهُمَّ حَنِّبِي الشَّيْطَانَ وَحَبِّبِ الشَّيْطَانَ مَا رَزَقْتَنَا ثُمَّ
قَدَّرَ بَيْنَهُمَا فِي ذَلِكَ أَوْ قُضِيَ وَلَدٌ لَمْ يَضُرَّهُ شَيْطَانٌ أَبَدًا

Maksudnya: Daripada Ibn 'Abbas telah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda yang bermaksud: " Alangkah patut sekiranya seseorang itu membaca ketika ia mendatangi isterinya " Dengan nama Allah, Ya Allah jauhilah aku daripada syaitan dan jauhkanlah syaitan daripada apa yang engkau rezekikan kepada kami, kemudian sekiranya ditentukan di antara keduanya sesuatu atau ditetapkan bagi mereka anak pasti syaitan tidak boleh memudaratkan anak itu selamanya ".¹⁶⁴

Dalam bahagian ini akan dibincangkan tentang perkara berikut:-

- i) Matlamat hubungan kelamin.
- ii) Persiapan diri di segi jasmani, rohani dan mental.
- iii) Adab-adab yang berkaitan dengan hubungan kelamin seperti mewujudkan kemesraan dan menjaga kesopanan.

Pembinaan syakhsiah pasangan adalah satu perkara yang penting dalam membentuk sebuah keluarga yang bahagia. Di dalam unit yang berikutnya, modul

¹⁶⁴ Ibn Mājah (t.t.), *op.cit.*, j. 1, Kitāb al-Nikāh, Bāb Mā Yaqūl al-Rajul Idhā Dakhalat 'Alaih Ahlahū, no. hadith 1919, h. 618; Lihat juga Muslim (1998), *op.cit.*, j. 5, Kitāb al-Nikāh, Bāb Mā Yustahabb An Yaqūlahū 'Inda al-Jimā', no hadith. 1434, h. 258.

akan membincangkan tentang faktor-faktor yang akan membina syakhsiah yang baik. Di antaranya pengamalan dan pemantapan akidah yang betul, pelaksanaan tuntutan syariah, penghayatan akhlak, kefahaman terhadap kewajipan dan tanggungjawab serta pentingnya sifat tegas dan penyayang. Oleh yang demikian, keperibadian yang terpuji menjamin kewujudan sebuah keluarga yang bahagia.

Seterusnya dijelaskan tentang kewajipan dan tanggungjawab agar suami dan isteri memahami tanggungjawab masing-masing. Di antaranya sabda Rasulullah s.a.w yang berbunyi:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ
فَالْإِمَامُ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ
عَلَى بَيْتِ زَوْجِهَا وَهِيَ مَسْئُولَةٌ وَالْعَبْدُ رَاعٍ عَلَى مَالِ سَيِّدِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ أَلَا
فَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ

Maksudnya: Diriwayatkan daripada 'Abdullah, katanya Rasulullah s.a.w telah bersabda yang maksudnya: "Tiap-tiap kamu adalah pemimpin, dan tiap-tiap kamu bertanggungjawab (terhadap apa yang dipimpin). Pemerintah adalah pemimpin maka dia bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinnya. Seorang lelaki adalah pemimpin terhadap keluarganya dan ia bertanggungjawab terhadapnya. Dan setiap wanita juga pemimpin, ia bertanggungjawab menjaga rumah suaminya dan ia mempunyai tanggungjawab. Setiap hamba juga pemimpin dan ia juga bertanggungjawab terhadap harta tuannya dan dia bertanggungjawab terhadapnya. Ingatlah bahawa setiap kamu

adalah pemimpin dan setiap kamu mempunyai tanggungjawab".¹⁶⁵

Dalam bab ini, kewajiban tersebut dibahagikan kepada tiga iaitu:-

- i) Tanggungjawab suami.
- ii) Tanggungjawab isteri.
- iii) Tanggungjawab yang dipikul bersama.

Kemudian suami isteri diingatkan agar bersifat tegas dan penyayang. Tujuannya untuk melahirkan pasangan suami isteri yang sentiasa memberi teguran tegas dalam soal hukum dan akhlak, bimbingan antara satu sama lain dalam urusan rumah tangga serta menghargai setiap sumbangan yang diberikan.

Dalam hal ini Allah S.W.T berfirman di dalam al-Qur'an yang berbunyi:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ
الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيَطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ
سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: "Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana".

Sūrah al-Tawbah (9) : 71.

¹⁶⁵ Muslim (1998), *op.cit.*, j. 6, Kitāb al-Imārah, Bāb Faḍīlah al-Imām al-'Ādil wa 'Uqūbah al-Jāir, no hadith. 1829, h. 452.

Kemudian, modul ini menerangkan tentang kemahiran pendidikan dengan tujuan untuk memperlengkapkan ibu bapa dengan kemahiran keibubapaan dalam mendidik anak-anak bermula dari alam rahim sehingga mereka meningkat remaja. Proses pendidikan ini dibahagikan kepada beberapa peringkat iaitu:-

i) Pendidikan semasa hamil.

- Pendidikan semasa hamil meliputi pendidikan rohani, penjagaan jasmani dan penjagaan emosi.

ii) Pendidikan semasa bayi.

- Pendidikan semasa bayi bermula dari saat kelahiran hingga tamat tempoh penyusuan. Ia juga meliputi pendidikan rohani dan penjagaan jasmani.

iii) Pendidikan kanak-kanak.

- Pendidikan kanak-kanak bermula daripada selepas penyusuan hingga umur mumayyiz. Juga termasuk di dalamnya pendidikan rohani dan penjagaan jasmani.

iv) Pendidikan awal remaja.

- Pendidikan awal remaja yang bermula dari umur mumayyiz sehingga kanak-kanak itu mencapai umur baligh.

Di dalam bab yang seterusnya, diperkenalkan konsep *role model* iaitu ibu bapa sebagai contoh terbaik kepada anak-anak di dalam semua aspek kehidupan. Ibu bapa perlu mempraktikkan amalan dan budaya yang baik untuk diterapkan ke

dalam diri anak-anak. Selain itu, diperkenalkan juga kemahiran komunikasi yang berkesan kerana ia dapat membentuk hubungan sesama manusia secara lebih sempurna. Secara lebih terperinci, ia dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu:-

- i) Kemahiran bercakap yang mengandungi teknik bercakap dan menegur.
- ii) Kemahiran mendengar iaitu sebagai pendengar yang baik.
- iii) Kemahiran memberi teguran dan nasihat iaitu secara hikmah.

Firman Allah S.W.T yang berbunyi:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

Maksudnya: "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik".

Sūrah al-Naḥl (16) : 125.

- iv) Kemahiran memberi penghargaan, pujian dan hadiah.
- v) Kemahiran berbahasa lisan dan bukan lisan.

Seterusnya modul menerangkan tentang kemahiran mengesan masalah dan konflik di dalam keluarga. Selepas itu, diajarkan tentang kemahiran menganalisis dan menyelesaikan masalah.

5.2.4 MODUL PERKHIDMATAN PENDIDIKAN KANAK-KANAK.¹⁶⁶

Tanggungjawab mendidik anak-anak adalah terletak di bahu ibu bapa mereka kerana pendidikan anak-anak bermula dari rumah. Islam telah menekankan betapa pentingnya pendidikan anak-anak mengikut tatacara yang disarankan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah. Islam juga telah menyediakan cara terbaik mendidik anak-anak bermula dari awal kelahiran.

Melalui modul yang disediakan oleh PPKI, ia telah dimulakan tentang amalan sunat semasa menyambut kelahiran bayi seperti azan dan iqamah, *tahnik*, aqiqah, bercukur rambut, menamakan anak, berkhatan dan lain-lain. Kesemua amalan tersebut mengandungi hikmah dan tujuannya yang tertentu. Di antaranya sabda Rasulullah s.a.w yang berbunyi:

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَ بِتَسْنِيَةِ الْمَوْلُودِ يَوْمَ سَابِعِهِ وَوَضْعِ الْأَذَى عَنْهُ وَالْعَقَّ

Maksudnya: Daripada ' Amru Ibn Syu'ayb telah meriwayatkan daripada ayah dan datuknya, bahawasanya Nabi Muhammad s.a.w menyuruh supaya menamakan anak yang baru dilahirkan pada hari ketujuhnyanya dan menghilangkan gangguan daripadanya dan diaqiqah untuknya".¹⁶⁷

¹⁶⁶ Jawatankuasa Penyediaan Modul (2002), *Modul Perkhidmatan Pendidikan Kanak-kanak*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

¹⁶⁷ al-Tirmidhī. (t.t), *op.cit.*, j. 4, Kitāb al-Adab, Bāb Mā Jā'a Fī Ta'jīl Ism al-Mawlūd, no. hadith. 2989, h. 212.

Seterusnya diperkenalkan pula tentang penyusuan bayi di mana ia mempunyai hikmah yang besar dalam mengeratkan hubungan di antara ibu dan anak. Juga berkesan dalam membentuk keperibadian anak-anak. Firman Allah S.W.T yang berbunyi:

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُنْمِ الرِّضَاعَةَ وَعَلَى
الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Maksudnya: "Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajiban bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya".

Sūrah al-Baqarah (2) : 233.

Seperti mana yang diketahui, susu ibu mengandungi zat tertentu yang diperlukan oleh tubuh badan bayi di samping membekalkan antibodi yang membantunya melawan penyakit. Modul ini juga menyediakan kaedah yang sebaiknya diamalkan ketika menyusu bayi seperti memulakan susuan dari sebelah kanan dan diikuti sebelah kiri.

Selain daripada itu, dalam membentuk akhlak dan peribadi murni anak-anak, mereka perlu dibiasakan dengan kalimah-kalimah *tayyibah* seperti diperdengarkan dengan bacaan al-Qur'an, nasyid dan kisah-kisah teladan. Dengan cara ini dapat menanamkan rasa kecintaan mereka terhadap Allah S.W.T, Rasulullah s.a.w dan juga kedua ibu bapa mereka. Mereka patut juga dibiasakan dengan zikir dan selawat seperti tasbih, takbir, tahmid dan lain-lain. Contohnya melafazkan "*Allahu Akbar*" ketika melihat keindahan ciptaan Allah S.W.T.

Kemudian membacakan “ *La Ilaha Illa Allah*” dan “*Asma' al-Husna*” ketika menidurkan anak. Dalam membicarakan hal ini, Allah S.W.T berfirman di dalam ayat-Nya yang berbunyi:

فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَاسْتَغْفِرْهُ إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا

Maksudnya: “Maka ucapkanlah tasbih dengan memuji Tuhanmu dan mintalah ampun kepada-Nya, sesungguhnya Dia amat menerima taubat”.

Sūrah al-Naṣr (110) : 3.

Di samping itu juga seorang bapa perlu memastikan pemakanan ibu dan anak daripada sumber yang halal. Ini penting dalam membentuk kesempurnaan iman dan akhlak yang baik dan menghasilkan perkembangan mental dan fizikal yang sihat. Sebarang pekerjaan yang dilakukan mestilah tidak bertentangan dengan syarak, disertai dengan niat mencari rezeki yang halal dan mengharapkan keredhaan Allah S.W.T. Kemudian harta yang diperolehi hendaklah dibelanjakan pada jalan yang halal. Allah S.W.T telah menyatakan di dalam firman-Nya yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ

Maksudnya: “Wahai Rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; sesungguhnya Aku Maha Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan”.

Sūrah al-Mu'minūn (23) : 51.

Modul ini juga memberikan panduan tentang adab-adab seperti adab makan dan minum. Juga memberi panduan kepada ibu bapa cara untuk

mewujudkan persekitaran rumah yang sesuai dengan ajaran Islam. Contohnya, penyediaan bilik tidur, bilik air, ruang tamu, ruang dapur, ruang permainan, ruang solat dan ruang bacaan.

Ibu bapa juga merupakan orang yang paling rapat dengan anak-anak dan mereka perlu bertindak sebagai contoh teladan kepada anak-anak. Mereka perlu bersedia dan mempunyai pengetahuan yang cukup untuk menjadi *qudwah hasanah* kepada anak-anak dalam semua aspek kehidupan. Allah S.W.T pernah berfirman yang berbunyi:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ
وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Maksudnya: "Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak dalam masa susah dan senang".

Sūrah al-Aḥzāb (33) : 21.

Islam juga tidak menafikan peranan pembantu rumah di dalam pendidikan anak-anak. Mereka perlu mempunyai personaliti yang baik, berilmu, berkemahiran dan berpengalaman tentang asuhan dan didikan kanak-kanak. Contohnya, mereka perlu mempunyai asas agama yang kukuh dan mempunyai akhlak yang mulia. Modul ini juga menyentuh tentang pentingnya konsep taman asuhan mengikut Islam, di mana ia perlu menyediakan infrastruktur dan sistem pembelajaran yang sistematik mengikut ajaran Islam. Contohnya di segi tempat asuhan, bilik atau ruang solat, guru atau pengasuh dan juga di segi kurikulumnya.

5.2.5 MODUL PERKHIDMATAN KELUARGA BERMASALAH.¹⁶⁸

Modul perkhidmatan keluarga bermasalah disusun untuk membantu keluarga yang mengalami konflik rumah tangga dengan mengenalpasti punca berlakunya konflik tersebut seterusnya menyarankan cara untuk mengatasinya. Masalah-masalah yang dihadapi perlu dikenalpasti mengikut keutamaan kemudian dikategorikan atau disusun mengikut tahap serius sesuatu masalah. Seterusnya disediakan strategi dan kaedah bagi menyelesaikan masalah tersebut. Di antara penyelesaian yang diambil ialah dengan memberi kaunseling, rundingcara, bimbingan dan khidmat nasihat serta kursus khas. Sekiranya perlu, masalah tersebut akan dirujuk kepada pakar agama, psikologi, perubatan dan psikiatri.

Masalah-masalah yang dikenalpasti biasa berlaku di dalam rumah tangga ialah:-

i) Masalah yang berlaku di antara suami dan isteri.

Di antara punca yang membawa kepada berlakunya masalah ini ialah kurang prihatin terhadap agama dan tanggungjawab, berlakunya penderaan fizikal dan mental, masalah sosial seperti menagih dadah, berjudi dan minum arak, pengabaian nafkah, masalah komunikasi, masalah seksual, masalah kesihatan dan masalah psikologi.

¹⁶⁸ Jawatankuasa Penyediaan Modul (2002), *Modul Perkhidmatan Keluarga Bermasalah*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

ii) Masalah yang melibatkan ibu bapa dan anak-anak.

Di antara masalah yang melibatkan ibu bapa dan anak-anak biasanya berpunca daripada ibu bapa itu sendiri atau ditimbulkan oleh anak-anak. Contohnya, ibu bapa kurang memberi perhatian dan didikan kepada anak-anak, kurang menjalankan peranan dan tanggungjawab sebagai ibu bapa dan juga kurang penghayatan agama, derhaka kepada ibu bapa dan pengaruh negatif rakan sebaya.

iii) Masalah yang berpunca daripada anggota keluarga lain iaitu ibu bapa sendiri, mertua, saudara atau ipar.

Keadaan ini mungkin berlaku apabila suami isteri tinggal serumah dengan ibu bapa atau mertua. Di antara puncanya ialah suami isteri kurang mesra dengan ibu bapa atau mertua, kurang memahami tanggungjawab masing-masing dan tidak menyayangi atau menghormati di antara satu sama lain.

iv) Masalah yang disebabkan oleh rosaknya perhubungan dengan jiran dan masyarakat.

Islam amat menitikberatkan hubungan kejiranan kerana ia merupakan salah satu daripada cara hidup Islam. Justeru, modul ini telah memperkenalkan beberapa teknik dalam mengenal jiran dan mengeratkan hubungan di antara satu sama lain. Masing-masing diperkenalkan dengan hak dan tanggungjawab yang

harus dipikul selain dari adab-adab berjiran. Sabda Rasulullah s.a.w yang berbunyi:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يُوْذِ حَارَهُ وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ
وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ

Maksudnya: Diriwayatkan daripada Abu Hurayrah, bahawasanya Rasulullah s.a.w bersabda yang maksudnya:

" Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, maka janganlah ia menyakiti jirannya, dan barangsiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat maka, muliakanlah tetamu dan barangsiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, maka berkatalah pada perkara kebenaran atau diam".¹⁶⁹

Semua pihak digalakkan untuk menjalin kemesraan, kerjasama dan kesefahaman untuk merapatkan silaturrahim. Bagi merealisasikan matlamat ini, beberapa program telah disarankan seperti menganjurkan hari keluarga, gotong-royong, program ziarah dan kenduri.

Di samping itu juga, dalam menyelesaikan masalah tertentu anggota keluarga boleh merujuk kepada ketua dalam masyarakat, imam atau orang-orang yang disegani. Disinilah menunjukkan pentingnya peranan sesuatu institusi atau individu tertentu seperti masjid dan surau, ketua masyarakat, ketua pejabat, individu yang disegani seperti tokoh agama, guru agama dan lain-lain.

¹⁶⁹ Ibn Mājah (t.t.), *op.cit.*, j. 2, Kitāb al-Adab, Bāb Ḥaqq al-Jiwār, no. hadith 3672, h. 1211.

PPKI juga membantu masyarakat merujuk kepada agensi-agensi tertentu bergantung kepada masalah yang dihadapi oleh mereka. Agensi-agensi yang terlibat dibahagikan kepada beberapa kategori yang terdiri daripada jabatan kerajaan, badan berkanun, yayasan dan pertubuhan sukarela. Selain itu, PPKI juga membantu individu tertentu dengan menyediakan kemudahan, cadangan pilihan dan alternatif sebagai panduan untuk mengatasi masalah masing-masing.

5.3 KESIMPULAN

Begitu mulia hasrat kerajaan dalam memastikan terbentuknya masyarakat yang aman dan sejahtera yang terdiri daripada institusi keluarga yang bahagia dan harmoni. Ini terbukti dengan usaha yang tidak henti-henti oleh pihak-pihak tertentu terutamanya JAWI dan JAKIM dalam merealisasikan hasrat yang murni itu. Beberapa modul yang berkaitan telah dibentuk oleh jawatankuasa yang bertanggungjawab dan semoga ianya akan mendatangkan manfaat yang besar kepada masyarakat setempat khususnya dan masyarakat Malaysia umumnya.